

17/01/2000

Surat terbuka: WIM ambil langkah berani

Nor Affizar Ibrahim

DEMIKIAN antara intipati petikan surat terbuka Institut Pengurusan Wanita (WIM) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad yang bertarikh 15 Disember lalu.

Apabila Perdana Menteri mengumumkan pelantikan barisan Kabinet baru kerajaan 11 Disember lalu, dengan hanya meletakkan dua menteri wanita, tidak banyak pertubuhan wanita dan pemimpin politik wanita yang bersuara menyatakan pandangan masing-masing secara terang-terangan dengan keputusan berkenaan.

Sungguhpun pada dasarnya, banyak pihak terbabit berasa kurang puas hati dengan pengumuman pelantikan hanya dua menteri wanita dalam barisan Kabinet baru itu.

Barangkali bukan saja tidak berpuas hati, lebih mengecewakan jumlah itu kurang berbanding barisan Kabinet sebelum ini. Cuma yang melegakan wanita, Perdana Menteri masih mengekalkan enam wanita dalam Kabinet dengan masing-masing, dua lagi sebagai timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Namun, WIM sudah mengambil `langkah berani' menyuarakan pandangan secara terbuka menerusi surat yang ditandatangani oleh Timbalan Pengerusinya, Datuk Dr Nellie Tan, baru-baru ini.

Menurut Dr Nellie, pandangan dan rasa kecewa itu perlu disuarakan secara terbuka kerana kemerosotan bilangan menteri wanita dalam Kabinet memberi kesan kepada pengiktirafan kerajaan terhadap peranan wanita dalam bidang politik di negara ini.

"Surat terbuka ini bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk tetapi ia dibuat berdasarkan keyakinan kami dengan kebolehan wanita hari ini. Kami yakin pemimpin seperti Dr Mahathir sedia mendengar pandangan yang diluahkan dalam surat itu," jelasnya.

Di dalam surat terbuka itu, WIM menggesa Perdana Menteri menimbang semula keputusannya mengurangkan jumlah menteri wanita dalam Kabinet barunya.

Kajian semula perlu berikutan kejayaan cemerlang ramai calon wanita memenangi kerusi Parlimen dalam pilihan raya lalu.

Menurut Dr Nellie, pelantikan itu dianggap penting sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan wanita dalam memastikan kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya yang lalu.

Penghargaan juga kepada golongan itu kerana sebanyak 50 peratus daripada jumlah pengundi berdaftar pada pilihan raya lalu adalah wanita.

Katanya, BN yang membariskan 43 calon wanita pada pilihan raya lalu berjaya menunjukkan kecemerlangan dengan hanya lima daripada mereka kehilangan kerusi yang ditandingi.

Tetapi yang mengecewakan, pelantikan 24 ahli parlimen lelaki dan dua wanita sebagai menteri Kabinet menunjukkan penyertaan wanita pada peringkat pembuat dasar tidak mencapai 10 peratus.

Justeru, Dr Nellie berkata, kesukaran Perdana Menteri untuk mencari calon wanita sesuai bagi jawatan menteri Kabinet sukar diterima.

Katanya, Malaysia juga mempunyai ramai wanita yang mencatat pencapaian cemerlang termasuk di gelanggang antarabangsa.

"Terdapat sekurang-kurangnya seorang tokoh wanita yang boleh diberi jawatan menteri, manakala dua lagi untuk jawatan setiausaha Parlimen berdasarkan pengalaman serta taraf pendidikan mereka," katanya.

Ketika ditanya, kementerian mana paling sesuai dipegang menteri wanita, Dr Nellie berkata, adalah tidak wajar menetapkan kementerian mana yang

harus disandang mereka.

"Jika ditetapkan, akan ada yang beranggapan bahawa wanita hanya mampu memberi sumbangan dalam bidang tertentu, pada hal mereka kini mampu menguasai hampir semua bidang," jelasnya.

Bagaimanapun Dr Nelle menegaskan, surat terbuka itu bukan bertujuan untuk `menunjuk ajar' apa yang patut dibuat oleh kerajaan.

Sebaliknya, hanya menyuarakan apa yang dirasakan perlu.

Selain itu, beliau bimbang jika hal ini tidak dipertimbangkan, akan menghilangkan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan ahli politik wanita dalam memberi sumbangan untuk pembangunan negara.

Di samping itu, WIM berpendapat, tindakan itu bakal menjejaskan pandangan luar mengenai pencapaian wanita di Malaysia, pada alaf baru ini.

(END)